



## **SIARAN MEDIA**

### **KPKT MEMPERUNTUKKAN RM50 JUTA BAGI PEMBANGUNAN SEMULA 100 TAMAN REKREASI MADANI BAGI TAHUN 2024**

---

**IPOH, 4 Mei 2024** – Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah merasmikan Taman Rekreasi MADANI Woodlands, Bandar Baru Tambun, Ipoh pada pagi ini dengan diiringi oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming.

Idea Pembangunan Taman Rekreasi MADANI ini adalah cetusan idea daripada YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang memberi fokus kepada aspek menaik taraf kawasan lapang atau taman rekreasi sedia ada di bawah 3 ekar untuk kemudahan riadah penduduk setempat. Dalam usaha ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan membangunkan sebanyak 100 projek Taman Rekreasi MADANI di seluruh negara pada tahun ini. Pembangunan taman rekreasi MADANI ini akan diperluaskan pelaksanaannya oleh JLN dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM50 juta melalui penyaluran RM500 ribu bagi setiap pembangunan projek Taman Rekreasi MADANI.

KPKT juga telah menyusun strategi dan menetapkan sasaran untuk membangunkan sebanyak 100 Taman Rekreasi MADANI setiap tahun dalam tempoh 5 tahun akan datang. Ini bakal memenuhi sasaran tambahan 500 buah Taman Rekreasi MADANI menjelang tahun 2028.

Taman Rekreasi MADANI Woodlands yang terletak di Bandar Baru Tambun, Ipoh merupakan kawasan lapang yang telah dinaik taraf dengan menyediakan kemudahan rekreasi untuk aktiviti riadah penduduk setempat. Taman rekreasi ini yang

berkeluasan 2.8 ekar mampu menampung keperluan riadah bagi penduduk Bandar Baru Tambun yang terdiri daripada dataran terbuka, permainan kanak-kanak, gelanggang serbaguna dan trek larian. Pembangunan taman rekreasi ini turut mengekalkan pokok-pokok matang sedia ada yang bertujuan bagi membentuk persekitaran hijau dan mampan di kawasan tersebut.

Bagi pembangunan Taman Rekreasi MADANI Woodlands ini, KPKT telah menyalurkan sejumlah RM500 ribu peruntukan bagi menyiapkan projek naik taraf taman rekreasi ini dengan kerjasama strategik Majlis Bandaraya Ipoh (MBI).

Pada majlis yang sama, YAB Perdana Menteri turut menyaksikan penyerahan *Mock Cheque* Peruntukan Pembangunan KPKT Tahun 2024 bagi Negeri Perak berjumlah RM11 juta yang disampaikan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak, Puan Sandra Ng Shy Ching.

Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh Timbalan Menteri KPKT, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib; Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali; Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Encik Mansor bin Mohamad; Datuk Bandar Ipoh, YBhg. Dato' Rumaizi bin Baharin @ Md Daud serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

*#MalaysiaMADANI*  
*#StrongerTogether*  
*#DemiPertawi*  
*#UnityInDiversity*

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

